

Qalam

KDN. 2180 M. C. (P) 2813/58

Jamādi al-Akhir 1386 Oktober 1966

Bilangan 195 60 sen

Yang Kita Hadapi?

Tahun 1967 di Malaysia barat bahasa Melayu akan dijadikan bahasa rasmi yang tunggal. Sebelum tiba saat yang tersebut bahasa itu telah dikaji, digunakan dan dituturkan bukan sahaja oleh orang-orang Melayu yang bahasa itu sendiri tetapi juga oleh orang-orang yang bukan Melayu yang duduk di Tanah Melayu ini. Dengan dorongan Dewan Bahasa dan Pustaka maka kejayaan-kejayaan di dalam perkembangan bahasa itu, terutamanya kepada bangsa yang bukan Melayu, bukan sahaja telah meningkat kepada keadaan yang tinggi dan memuaskan tetapi menimbulkan harapan-harapan yang baik sekiranya ia disalurkan dengan wajarnya.

Dengan bahasa yang boleh difaham oleh semua pihak itu maka bolehlah pihak-pihak itu menyampaikan ideologi-ideologinya terhadap kepada sesuatu golongan atau puak dan kerana itu di dalam menyampaikan ideologi, bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan itu akan dapat menyampaikan dua tujuan yang berlainan di dalam ideologi-ideologinya iaitu:

(1) Orang Islam dapat menyampaikan dakwahnya kepada orang-orang yang bukan

Islam dengan mudahnya dengan lisan dan tulisan;

(1) Golongan-golongan yang bukan Islam dapat pula menyampaikan dakwahnya kepada golongan-golongan Islam dan yang bukan Islam.

Dua perkara ini adalah menjadikan bahasa yang hidup dan terpakai itu membuka suatu jalan di dalam usaha ini dan kemajuannya kelak adalah bergantung kepada kekuatan dan kebijaksanaan masing-masing pihak untuk menarik sesuatu golongan kepada ideologinya. Yang mana yang jitu dan kuat tentunya ialah yang mendapat tempat yang luas di lapangan itu.

Dengan kerana itu maka patutlah dari sekarang umat Islam bertanya kepada dirinya sendiri adakah kemungkinan dan adakah kekuatan golongan-golongan Islam dapat mengambil peluang ini dengan luasnya dan sebaliknya dapatkah pula golongan ini mempertahankan anak-anak mereka daripada pengaruh-pengaruh dan ajaran yang halus yang didatangkan oleh ideologi-ideologi bukan Islam? Pada masa sekarang peluang dengan menggunakan bahasa kebangsaan itu sudah pun diambil oleh orang-orang yang bukan Islam dengan berbagai-bagai cara di antaranya dengan mengadakan kursus-kursus dengan *post* yang disusun dengan sebegitu rupa yang boleh mengelirukan anak-anak Islam yang cetek pengetahuannya atau yang belum tahu hal ehwal agamanya terutamanya di dalam akidah. Mereka terus mara kepada lapangan ini sedang golongan kita sendiri sangat mendukacitakan hampir-hampir tidak ada mengambil suatu langkah untuk menjalankan kursus-kursus

bersurat atau seumpamanya yang menerangkan akan akidah-akidah yang benar dan menunjukkan kesesatan-kesesatan yang dibawa oleh dakwah-dakwah yang lain.

Persoalan ini bukanlah persoalan kecil dan bukanlah ia suatu tanggungjawab yang ringan tetapi ia sesuatu tanggungjawab yang maha besar kerana apabila persoalan ini tidak diperhatikan dan peluang ini tidak diambil bukan hanya kita tidak mendapat faedah tetapi ia akan mendedahkan pemuda-pemuda dan anak-anak kita kepada pengaruh daripada dakwah golongan lain yang mempunyai kemampuan dan kekuatan itu.

Kerana itu mustahaklah bagi kita dari masa sekarang menyatukan persefahaman bekerjasama di antara satu sama lain untuk mengambil peluang yang terbuka bagi meluaskan dakwah ke dalam dua peringkat:

- 1) Dakwah ke dalam.
- 2) Dakwah ke luar.

Yang dikehendaki dengan dakwah ke dalam hendaknya ada sesuatu golongan yang bekerja memberi ingat dan pertunjuk akan kesempurnaan faham-faham agama Islam dengan cara yang menarik dan jitu, dengan bahasa yang mudah bagi menyedarkan tanggungjawab dan kewajiban pemeluk-pemeluknya kepada kemuliaan agamanya. Tugas ini menurut ajaran Islam adalah menjadi pikulan dan tanggungjawab tiap-tiap perseorangan untuk menyampaikannya kerana semenjak daripada zaman Rasulullah sendiri telah ditanam jiwa dakwah itu pada diri masing-masing umat Islam. Kerana itu menyatukan tenaga dan menyatukan kerjasama dalam usaha-usaha yang seperti ini, di dalam perkembangan